

Headline	Kerajaan perlu kurangkan pegangan dalam syarikat		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	05 Sep 2018	Language	Malay
Circulation	112,050	Readership	336,150
Section	Ekonomi	Page No	14
ArticleSize	169 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 10,021		



## Kerajaan perlu kurangkan pegangan dalam syarikat

**KUALA LUMPUR 4 Sept.** - Kerajaan perlu mengurangkan penglibatan atau pegangan mereka dalam mana-mana syarikat di negara ini secara berperingkat-peringkat supaya entiti berkenaan dapat menentukan hala tuju masing-masing tanpa kawalan pihak tertentu.

Pengerusi Zilzar Group yang juga Ahli Lembaga Pengarah Pembimbing Pelaburan (Labuan) Ltd., Datuk Dr. Vaseehar Hassan berkata, sebagai contoh, ia boleh dilihat terhadap apa yang berlaku ke atas Khazanah Nasional Berhad (Khazanah).

“Adakah kita mahu melihat Khazanah mengawal syarikat-syarikat seperti CIMB Group, Axiata Berhad (Axiata) dan Tenaga

Nasional Berhad (TNB). Entiti ini harus berdiri sendiri dan mengawal selia kecekapan operasi masing-masing.



**VASEEHAR HASSAN**

“Jadi kenapa kita memerlukan sebuah syarikat lain dan mempunyai kos operasi yang tinggi sedangkan ia hanya memerlukan sebuah syarikat pegangan yang biasa yang kos operasi yang rendah dan akhirnya akan menghasilkan prestasi yang sebenar daripada operasi entiti tersebut,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sesi panel ‘Apakah Masa Depan Ekonomi Malaysia’ pada Sidang Kemuncak Korporat Malaysia 2018 di sini hari ini yang dirasmikan Menteri Industri Utama, Teresa Kok. Yang turut hadir, Presiden Institut Strategi Antarabangsa (ISI), Tan Sri Dr.

Michael Yeoh.

Portfolio Khazanah merentasi pelbagai sektor dan industri daripada penerbangan, perkhidmatan kewangan, tenaga, telekomunikasi dan perkhidmatan kewangan.

Antara syarikat yang dimiliki Khazanah termasuklah IHH Healthcare Bhd. (IHH) dengan 40.4 peratus, Axiata (37.17 peratus); Malaysia Airports Holdings Berhad (33.21 peratus), TNB (28.1 peratus); CIMB (27.4 peratus); Telekom Malaysia (26.2 peratus) dan Time (11.2 peratus).

Dalam perkembangan lain, Teresa ketika berucap merasmikan sidang kemuncak itu berkata, negara perlu menyedari wujudnya persaingan yang tinggi dalam dagangan pertanian terutama minyak sawit dengan Kesatuan Eropah (EU) walaupun sektor utama itu menyumbang sebanyak RM179.8 bilion kepada ekonomi pada tahun lalu.